

## GARIS PANDUAN PEMILIHAN CALON PEGAWAI MASJID OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

*“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”*

*(At-Taubah:18)*

### NAMA

1. Garis Panduan ini boleh dinamakan Garis Panduan Pemilihan Calon Pegawai Masjid oleh Majlis Agama Islam Selangor (Majlis).

### LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (Majlis) Bil. 4/ 2015 yang telah bersidang pada 8 September 2015 telah memutuskan supaya Garis Panduan ini menggantikan Tatacara Pencalonan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Negeri Selangor Sesi 2012-2015 yang dikeluarkan pada 16 Januari 2012.

### TUJUAN

3. Garis Panduan ini diwujudkan bertujuan untuk:

- (a) melaksanakan kehendak dan maksud Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah seksyen 100 dan 103;
- (b) melaksanakan kehendak dan maksud Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 di bawah subkaedah 6(4); dan
- (c) merupakan rujukan mengenai tatacara pemilihan calon Pegawai Masjid oleh Majlis.

### PELAKSANAAN

4. **Kriteria umum pemilihan calon:**

- (a) Syarat kelayakan.

Setiap calon Pegawai Masjid hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak melebihi 65 tahun;
- ii. beragama Islam, warganegara Malaysia dan tinggal bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah masjid tersebut;
- iii. berpegang dan beramal dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak;
- iv. mempunyai pengetahuan agama Islam, berakhlak mulia dan melibatkan diri di dalam aktiviti masjid;
- v. boleh membaca, menulis dan mengira;
- vi. sihat tubuh badan dan mental;
- vii. mempunyai daya kepimpinan;
- viii. bersedia mematuhi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 serta lain-lain garis panduan berkaitan dengan pengurusan masjid dan surau; dan
- ix. sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah.

(b) Gugur kelayakan.

Calon yang mempunyai kriteria seperti yang berikut adalah tidak layak untuk dicalonkan menjadi Pegawai Masjid:

- i. menganggotai mana-mana jawatan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid yang lain;
- ii. disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam mana-mana mahkamah sivil atau mahkamah Syariah;
- iii. ditamatkan perkhidmatan atau dipecat oleh Majlis;
- iv. diisytiharkan bankrap; atau
- v. seseorang yang dilantik sebagai penasihat bagi tiap-tiap masjid dalam mukim dan kampung yang berkenaan.

**5. Kriteria tambahan calon Nazir:**

- (a) mempunyai kelayakan akademik minima iaitu kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Agama (SPA) atau yang setaraf dengannya; atau
- (b) mempunyai kelayakan akademik lulusan diploma dan ke atas;
- (c) mampu mengetuai halaqah yang melibatkan jawatankuasa dan jemaah di samping mampu mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah serta mengetuai majlis tahlil; dan
- (d) bersedia memberi kerjasama dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor.

**6. Kriteria tambahan calon Imam:**

- (a) mahir dalam bacaan Al-Quran dan berkebolehan menyampaikan khutbah;
- (b) memiliki Sijil Menengah Agama (SMA)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) / Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / 4 Thanawi / Sijil Tahfiz atau lain-lain sijil yang diiktiraf berkaitan dengan Islam; dan/atau
- (c) mampu mengetuai urusan fardhu ain dan fardhu kifayah.

**7. Kriteria tambahan calon Bilal:**

- (a) mempunyai suara yang jelas dan merdu.
- (b) memiliki pengalaman dan kemahiran sebagai *muazzin*; atau
- (c) mengetahui urusan fardhu ain dan fardhu kifayah.

**8. Kriteria tambahan calon Siak:**

- (a) memiliki kemahiran dalam bidang pembersihan; atau
- (b) mempunyai ketelitian dan keinginan dalam bidang pembersihan.

**9. Tempoh jawatan Pegawai Masjid**

Pegawai Masjid hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dari tarikh pelantikannya dan boleh dilantik semula. Walaubagaimanapun, bagi

jawatan Nazir, pelantikan itu tidak boleh melebihi dua penggal berturut-berturut kecuali dengan kebenaran Majlis.

#### **10. Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid**

- (a) Majlis hendaklah melantik orang yang layak dan sesuai menjadi Pegawai Masjid berdasarkan kriteria-kriteria yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan ini. Calon-calon Pegawai Masjid boleh diperolehi melalui Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid.
- (b) Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid hendaklah dipengerusikan oleh Nazir masjid berkenaan berdasarkan subkaedah 27(2) Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.
- (c) Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya boleh menyelia urusan tatacara pemilihan pencalonan Pegawai Masjid sebagaimana diperuntukkan di dalam subkaedah 7(1) Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.
- (d) Setiausaha Masjid hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada ahli kariah masjid dan salinan kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid diadakan.
- (e) Pihak masjid hendaklah membuat hebahan seperti memasang kain rentang, membuat pengumuman pada 2 kali solat Jumaat dan apa jua bentuk mekanisma hebahan yang sesuai bagi memastikan kehadiran ahli kariah ke Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid,
- (f) Ahli kariah yang hadir di dalam Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid hendaklah seseorang yang bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah masjid tersebut.
- (g) Agenda mesyuarat adalah seperti yang berikut:
  - i. bacaan surah Al-Fatihah dan doa selamat;
  - ii. ucapan Pengerusi;
  - iii. taklimat khas tatacara pencalonan oleh Pejabat Agama Islam Daerah;
  - iv. sesi pencalonan; dan
  - v. penangguhan mesyuarat dengan bacaan surah al-Asr.

- (h) Bilangan pencalonan bagi Pegawai Masjid hendaklah sekurang-kurangnya 8 orang calon atau lebih seperti yang berikut:
- i. 1 orang calon Nazir;
  - ii. 1 orang calon Timbalan Nazir;
  - iii. 2 orang calon Imam;
  - iv. 2 orang calon Bilal; dan
  - v. 2 orang calon Siak.
- (i) Setiausaha Masjid hendaklah mengisi **Borang Pencalonan Pegawai Masjid Yang Diputuskan Dalam Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid** dan menyerahkan salinan minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid kepada Setiausaha Jawatankuasa Kariah MAIS dalam tempoh 5 hari bekerja selepas Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid diadakan melalui Pejabat Agama Islam Daerah.

#### **11. Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS**

- a) Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Majlis, yang berperanan bagi menasihati dan membuat syor pemilihan calon yang layak untuk dilantik menjadi Pegawai Masjid kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS boleh melantik Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah bagi menyemak dan mengenal pasti kelayakan calon-calon Pegawai Masjid yang dicadangkan.

#### **12. Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor**

- a) Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis, berperanan bagi mengesahkan dan meluluskan pelantikan senarai nama-nama Pegawai Masjid untuk tujuan pentauliahan.
- b) Tauliah kepada Pegawai Masjid akan dikeluarkan oleh Majlis.

### **PEMAKAIAN**

**13.** Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada pemilihan calon Pegawai Masjid oleh Majlis sahaja.

**14.** Pemilihan Jawatankuasa Kariah akan dilaksanakan selepas pemilihan calon Pegawai Masjid.

**15.** Pemilihan Jawatankuasa Kariah hendaklah berpandukan kepada Garis Panduan Pemilihan Jawatankuasa Kariah Bagi Sesuatu Kariah dalam Negeri Selangor yang dikeluarkan.

### **PENGECUALIAN**

**16.** Walau apa pun yang ditentukan oleh garis panduan ini, Majlis boleh dalam keadaan tertentu yang difikirkan perlu, mengecualikan mana-mana orang atau peruntukan yang ditentukan oleh garis panduan ini.

### **TARIKH KUAT KUASA**

**17.** Garis Panduan ini mula berkuat kuasa mulai 15 September 2015.

### **PEMBATALAN**

**18.** Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini maka Tatacara Pencalonan Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah Masjid- Masjid Negeri Selangor sesi 2012-2015 adalah **dibatalkan**.

t.t

**(DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN)**

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh : 11 September 2015